


# Usaha sokong pekerja dewasa pertingkatkan kemahiran perlu seiring perkembangan teknologi

Kemahiran mereka merosot seawal lewat usia 20-an; justeru latihan semula perlu dimula pada usia lebih muda



Peralihan mendadak ke platform dan pembayaran dalam talian berjalan lancar di Singapura, tetapi turut mendedahkan jurang kecekapan yang ketara. - Foto ST

► LIM SUN SUN

Jika terdapat satu tempoh waktu yang mendesak seluruh rakyat meningkatkan kemahiran dengan pantas, terutama dalam bidang digital, ia adalah pandemik Covid-19 yang kini hanya tinggal kenangan suram.

Namun, tempoh itu memberi kita pengajaran yang amat berharga tentang kesiapsiagaan kemahiran.

Di Singapura, kita terpaksa belajar cara mengesahkan identiti menggunakan Singpass dan TraceTogether, mengurus niaga melalui perbankan dalam talian, membeli-belah dalam talian, mengikuti kelas melalui Zoom dan menghadiri mesyuarat kerja serta perjumpaan sosial di platform seperti Teams.

Peralihan mendadak ke platform dan pembayaran dalam talian ini berjalan lancar di Singapura tetapi turut mendedahkan jurang kecekapan yang ketara.

Dalam wawancara dengan keluarga kurang berkemampuan yang saya lakukan dengan sokongan rakan akademik dan pekerja sosial di Singapura, kami mendapati bagaimana kelemahan digital menyukarkan kehidupan mereka dari masa ke masa.

Keluarga yang lebih berada mempunyai kelebihan untuk meningkatkan literasi digital mereka dengan cepat kerana mereka sudah memiliki peranti terkini dan mempunyai pendedahan dengan perkhidmatan dalam talian.

Pengalaman dengan teknologi tersebut membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan pantas terhadap inovasi baru.

Hasilnya, peningkatan kemahiran teknologi menjadi lebih lancar bagi mereka, walaupun dalam tempoh yang penuh cabaran itu.

Sebaliknya, individu dari keluarga yang terpinggir secara digital cenderung kepada memiliki peranti yang sedikit tua, tidak selalu mempunyai akses Internet yang stabil dan bekerja dalam pekerjaan yang mempunyai pendedahan terhad atau tiada langsung dengan Teknologi Ko-

munikasi Maklumat (ICT).

Satu pengajaran penting daripada tempoh tersebut adalah usaha merapatkan jurang kemahiran, bukan sekadar kemahiran digital.

Ia memerlukan pemahaman yang lebih mendalam tentang perbezaan sosioekonomi dalam bagaimana kemahiran diperoleh, dipupuk, diperthankan dan diperkukuhkan.

Sehubungan itu, pengumuman terkini mengenai kedudukan Singapura dalam Kajian Kemahiran Dewasa oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) – yang dibangunkan di bawah Program OECD untuk Penilaian Antarabangsa Kecekapan Orang Dewasa (Piaac) – telah memberikan maklumat dan pandangan membantu tentang tahap kecekapan orang dewasa di Singapura.

Para pembaca mungkin lebih mengenali Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (Pisa) OECD atau ujian Pisa yang mengukur tahap kecekapan remaja berusia 15 tahun, yang dijalankan setiap tiga tahun.

Versi dewasa bagi ujian tersebut, Piaac, dijalankan setiap 10 tahun dan merupakan kajian antarabangsa yang menilai tahap kemahiran orang dewasa berumur 16 hingga 65 tahun dalam literasi, bilangan dan penyelesaian masalah adaptif – iaitu keupayaan menyesuaikan diri dan mencari cara menyelesaikan masalah dalam keadaan yang berubah dengan cepat.

Secara ringkas, orang dewasa Singapura mencatat prestasi baik, tetapi tidak setanding remaja 15 tahun dalam ujian Pisa.

Walaupun prestasi berhubung bilangan, literasi dan penyelesaian masalah adaptif memberangsangkan, kemahiran ini mula merosot seawal usia muda.

Terdapat juga perbezaan ketara dalam kemahiran orang dewasa, bergantung pada tahap pendidikan mereka.

## KEDUDUKAN SINGAPURA

Laporan mengenai kemahiran dewasa di Singapura memberikan gambaran yang agak meyakinkan.

Pertama, kita mencatat peningkatan

“Memandangkan kemerosotan kemahiran boleh bermula di awal kerjaya, kita perlu menimbangkan pelaburan lebih besar dalam program latihan yang mudah diubah suai dan menjimatkan kos, supaya lebih ramai individu dapat mengambil bahagian dalam proses meningkatkan kemahiran mengikut masa mereka sendiri. Program ini harus dilaksanakan secara modular, diikuti secara sambilan atau dalam talian bagi memudahkan penyertaan dalam jadual kerja yang sibuk. Kita juga perlu memanfaatkan teknologi pendidikan secara aktif bagi membolehkan pelajar dewasa melibatkan diri dalam pembelajaran sendiri dan pengalaman pembelajaran yang disesuaikan berdasarkan profil individu masing-masing.”

– Penulis.

katan terbesar dalam kemahiran berkaitan bilangan dalam kalangan negara peserta, setanding dengan Finland sebagai negara paling meningkat dan menduduki tempat ke-10 secara keseluruhan.

Dalam kemahiran literasi pula, skor kita kekal stabil dengan peningkatan dalam kedudukan berbanding kitaran sebelumnya.

Namun, satu trend yang membimbangkan bagi Singapura ialah kemerosotan kemahiran literasi akibat penuaan yang bermula lebih awal berbanding banyak negara lain, dengan penurunan ketara bermula seawal usia 27 hingga 34 tahun.

Ini mungkin tidak mengejutkan kerana kemahiran literasi dan berkaitan bilangan diajar dan diuji secara sistematik di sekolah, manakala di tempat kerja, hanya rangkaian kemahiran yang terhad digunakan.

Akibatnya, kemahiran yang tidak digunakan atau kurang dimanfaatkan

kan merosot.

Namun, pengetahuan bahawa kemahiran mula merosot seawal lewat usia 20-an menunjukkan bahawa proses meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula tidak harus dilihat sebagai sesuatu yang hanya bermula di pertengahan kerjaya, malah perlu dilaksanakan lebih awal.

Ini amat relevan dalam landskap pekerjaan Singapura yang disifatkan dengan pendigitalan yang pesat.

Memandangkan kemerosotan kemahiran boleh bermula di awal kerjaya, kita perlu menimbangkan pelaburan lebih besar dalam program latihan yang mudah diubah suai dan menjimatkan kos, supaya lebih ramai individu dapat mengambil bahagian dalam proses meningkatkan kemahiran mengikut masa mereka sendiri.

Program ini harus dilaksanakan secara modular, diikuti secara sambilan atau dalam talian bagi memudahkan penyertaan dalam jadual kerja yang

sibuk.

Kita juga perlu memanfaatkan teknologi pendidikan secara aktif bagi membolehkan pelajar dewasa melibatkan diri dalam pembelajaran sendiri dan pengalaman pembelajaran yang disesuaikan berdasarkan profil individu masing-masing.

Majikan juga boleh melabur lebih banyak dalam usaha meningkatkan kemahiran dan latihan semula kemahiran pekerja mereka, termasuk melalui latihan di tempat kerja dan latihan dalam tugas.

Ini bukan sahaja membantu pekerja, malah majikan juga mendapat manfaat daripada tenaga kerja yang lebih mahir untuk mencapai matlamat perniagaan.

Satu lagi dapatan utama menunjukkan jurang kemahiran ketara antara individu dengan tahap pendidikan yang berbeza dalam kalangan negara peserta.

Di Singapura, individu dengan

pendidikan peringkat pascamenengah (275 mata) mengatasi mereka dengan pendidikan peringkat menengah atas (226 mata) sebanyak 48 mata dalam skor literasi.

Jurang ini jauh lebih tinggi daripada purata OECD iaitu 33 mata.

Laporan tersebut mengemukakan perubahan dalam tabiat membaca di tempat kerja dan di rumah, serta penggunaan digital dan media sosial yang semakin meluas, mungkin memberi kesan terhadap kemerosotan tahap literasi bagi golongan dewasa dengan pendidikan lebih rendah daripada peringkat menengah atas di kebanyakan negara.

Tambahan pula, prasangka sosial terhadap individu berpendidikan rendah boleh mengakibatkan harga diri yang rendah dan kurang peluang untuk perkembangan intelektual.

Berdasarkan pandangan ini, program berasaskan masyarakat atau tempat kerja untuk mengekalkan tahap literasi dan berkaitan bilangan mungkin sangat berguna bagi mereka yang mempunyai pendidikan rendah.

Keputusan Piaac mengingatkan kita bahawa sistem pendidikan kita telah memberikan hasil yang baik, tetapi memerlukan penambahbaikan berterusan selaras dengan perubahan landskap pekerjaan.

Apa yang penting, kita mesti berusaha secara beramai-ramai dan kreatif untuk merapatkan jurang kemahiran antara individu berpendidikan rendah dan tinggi, demi meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja di seluruh julat sosioekonomi.

Dengan campur tangan yang tepat dalam peningkatan kemahiran dan latihan semula, kelemahan ini tidak perlu dan tidak sepatutnya berlarutan.

► Penulis ialah naib presiden kerjasama dan keterlibatan serta Profesor Komunikasi dan Teknologi Lee Kong Chian di Universiti Pengurusan Singapura (SMU). Beliau juga merupakan ahli Panel Penasihat Penyelidikan SkillsFuture. Rencana ini kali pertama diterbitkan di The Straits Times.